



MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

**LAPORAN JAWATANKUASA PENYELARAS
RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM
(AKRAB) TAHUN 2017**

KANDUNGAN

1.	Selayang Pandang	2
2.	Satu Pengenalan	3
3.	Maklumat Korporat	4-5
4.	Program AKRAB	6-9
5.	Keahlian AKRAB	10
6.	Carta Organisasi	11
7.	Carta Fungsi	12
8.	Pekeliling-pekeliing dan maklumat yang berkaitan	13
9.	Laporan aktiviti/program tahun 2017	14-15

SELAYANG PANDANG

Pendekatan pengurusan sumber manusia hendaklah seiring dengan dasar-dasar kerajaan yang sentiasa mengutamakan rakyat dan melahirkan warga kerja perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi. Pengurusan sumber manusia yang kompeten merupakan salah satu teras dalam misi nasional. Penekanan kepada transformasi untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara. Penekanan terhadap usaha meningkatkan pengetahuan, kreativiti dan inovasi sumber manusia akan menjadi pemangkin kepada budaya kerja berprestasi tinggi.

Bagi mencapai hasrat kerajaan, pendekatan baru dalam mengurus modal insan seperti penerapan aplikasi psikologi merupakan satu langkah yang tepat dalam menjana modal insan secara lebih menyeluruh. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam, aplikasi psikologi dalam intervensi melalui Program Pengupayaan Kendiri (PPK) merupakan satu kaedah dalam mengurus sumber manusia bagi mempertingkatkan kecemerlangan diri pegawai terutamanya bagi pegawai yang termasuk dalam kategori yang berprestasi rendah dan bermasalah. Selain itu juga program pengupayaan kendiri juga memberikan fokus kepada melonjakkan perkembangan dan pementapan diri terutamanya dari segi kepimpinan pegawai. Aspek penilaian, bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kepada pegawai itu sendiri.

Justeru itu, sesuai dengan hasrat pihak kerajaan melaksanakan transformasi kepada pengurusan sumber manusia, empat program utama telah digabungkan menjadi program Pengupayaan Kendiri iaitu, Program Penilaian Pekerja, Program Pementoran, Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan akhir sekali ialah Program Kaunseling. Keempat-empat program ini berfungsi secara matriks dalam menyelaraskan dan membantu pegawai untuk membudayakan kerja berprestasi tinggi.

Pelaksanaan Rakan Pembimbing (AKRAB) di Majlis Daerah Kuala Selangor merupakan sokongan kepada aplikasi psikologi dalam intervensi dan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999 iaitu Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling di Agensi Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010 iaitu Panduan Pementoran dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Melalui pekeling dan surat pekeling ini setiap kementerian dan jabatan telah menubuhkan unit perkhidmatan kaunseling dan melaksanakan aktiviti pementoran secara formal dan lebih terancang.

SATU PENGENALAN

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja sepertimana yang dikehendaki dalam PP18/2005. Rakan Pembimbing merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam. Ia diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan medium perantaraan untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurus Sumber Manusia di agensi. Di samping itu, Rakan Pembimbing juga bervisi menjadi penyumbang kepada usaha pembangunan modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

AKRAB membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing. Tanpa ciri-ciri tersebut, peranan seseorang dalam menjalankan fungsi rakan pembimbing kurang berkesan. AKRAB juga merupakan penjenamaan semula versi rakan pembimbing, pembimbing rakan sekerja, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling dan pelbagai nama yang merujuk kepada peranan sebagai rakan pembimbing di agensi. Ini bermakna, di dalam perkhidmatan awam, pegawai yang memainkan peranan sebagai rakan pembimbing keseluruhannya akan dikenali sebagai AKRAB.

MAKLUMAT KORPORAT

VISI

Menjadikan AKRAB penggerak Budaya Kerja Kelas Pertama dalam organisasi.

MISI

- Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi;
- Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan dalam kehidupan;
- Berperanan sebagai perantara antara pegawai dengan kaunselor dalam membuat saringan kesesuaian masalah; dan
- Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB

OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan

MOTTO

“Berkhidmat Membimbing”

FALSAFAH

Sebagai ahli AKRAB, anda perlu sentiasa menghayati falsafah AKRAB iaitu : “Bantu Diri Untuk Membantu Rakan Lain”. Dalam usaha membantu rakan, anda mendapat pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk mempertingkatkan diri dari segi ilmu pengetahuan, tingkah laku, perhubungan, kreativiti dan nilai kepada diri.

PRINSIP

Bersedia dan rela membantu rakan yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan, perlakuan dan fizikal.

PERANAN

- ◆ Menjadi rakan yang peka kepada perasaan orang lain dan keadaan sekeliling;
- ◆ Memberi sokongan kepada perubahan yang lebih baik;
- ◆ Sumber kepada rakan untuk berkongsi permasalahan; dan
- ◆ Memperkuatkan semangat rakan yang ingin berubah.

ETIKA

- Amanah dan menyimpan rahsia;
- Menerima dan menghormati orang lain;
- Memahami batasan dan keupayaan diri;
- Sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran dari pada pelbagai aspek;
- Melaporkan kepada kaunselor tentang kes yang boleh merosakkan diri dan orang lain;
- Merujuk kes/permasalahan yang rumit kepada pegawai psikologi; dan
- Memahami peraturan dan etika perkhidmatan awam.

PROGRAM RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM(AKRAB)

1. Pengenalan

Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) merupakan pembentukan satu kelompok sokongan kepada pegawai dengan bimbingan daripada fasilitator terlatih. Sokongan ahli kelompok bertujuan membimbing pegawai menghadapi permasalahan sama ada dalam dunia pekerja atau peribadi.

AKRAB berkonsepkan rakan membantu rakan berteraskan asas kaunseling profesional. Pengalaman AKRAB di semua peringkat organisasi dapat mewujudkan keharmonian, keakraban, saling hormat menghormati, mengenali potensi diri serta mewujudkan budaya kerja yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Justeru itu, diharap AKRAB dapat bergerak dan bertindak sebagai satu pasukan bagi mencapai objektif, misi, visi dan peningkatan tahap keberkesanan serta imej organisasi.

2. Objektif

Menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri.

3. Visi

Menjadikan AKRAB sebagai penggerak kepada pembangunan modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

4. Misi

Misi AKRAB di Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS) ialah:

- 4.1. Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi.
- 4.2. Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan dalam kehidupan.
- 4.3. Berperanan sebagai perantara antara pegawai dengan kaunselor dalam membuat saringan kesesuaian masalah.
- 4.4. Mewujudkan hubungan baik dengan pihak Pengurusan Sumber Manusia di MDKS bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB.

5. Rasional

Rakan sekerja merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang pegawai berdasarkan faktor-faktor di bawah:

- 5.1. Pegawai berasa lebih selesa berbincang dengan rakan berbanding pegawai atasan mereka;
- 5.2. Pegawai lebih mudah berbincang tentang kebimbangan peribadi dan menerima pertolongan daripada mereka;
- 5.3. Pegawai dilatih untuk memberi pertolongan yang positif dan lebih berkesan kepada rakan mereka; dan
- 5.4. Nilai dan struktur hubungan dalam organisasi akan bertambah baik dengan adanya hubungan kemanusiaan dan persaudaraan.

6. Matlamat

Matlamat penubuhan AKRAB di Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS) ialah:

- 6.1. Memberi sokongan kepada perubahan

Pegawai memerlukan pandangan dan pendapat daripada orang lain dalam menghadapi sebarang bentuk perubahan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai rakan yang berkebolehan dan berkemahiran untuk membantu menghadapi perubahan tersebut.

- 6.2. Meneguhkan perubahan yang dibuat

Perubahan tingkah laku yang dilaksanakan oleh pegawai perlu diberi peneguh dan kepastian agar perubahan tersebut berkekalan. Contohnya memberikan idea, pandangan dan dorongan.

- 6.3. Berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan

Pengalaman dan pengetahuan berharga yang dimiliki oleh pegawai boleh memberi manfaat kepada organisasi. Pelbagai idea dan pemikiran kreatif akan terhasil sekiranya ia dapat dikongsi bersama warga organisasi.

6.4. Berkongsi Permasalahan

Perasaan dan emosi negatif yang dipendam akan mewujudkan konflik diri pegawai. Oleh itu, ia perlu disalurkan secara positif. Justeru itu, AKRAB boleh memainkan peranan penting dalam membantu pegawai untuk meluahkan perasaan dan berkongsi pandangan serta pengalaman secara professional.

6.5. Memperkuatkan semangat dalam mengekalkan perubahan

AKRAB akan membantu rakan sekerja agar perubahan positif dapat dikekalkan demi kecemerlangan diri dan organisasi.

7. Peranan

Peranan ahli AKRAB Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS) ialah:

- 7.1. Membantu dan mengembang mengukuhkan budaya kerja cemerlang.
- 7.2. Mengukuhkan nilai sendiri
- 7.3. Mewujudkan suasana dan persekitaran kerja harmoni
- 7.4. Mewujudkan perkongsian pengetahuan, maklumat dan masalah
- 7.5. Mewujudkan kaedah penyelesaian masalah secara dalaman
- 7.6. Mewujudkan kesepakatan di kalangan rakan sejawat
- 7.7. Mewujudkan kelompok sokongan kepada pegawai yang memerlukan bantuan

8. Fungsi

Fungsi AKRAB Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS) ialah:

- 8.1. Membantu mengenalpasti pegawai yang memerlukan bantuan dengan melihat kepada indikator seperti maklumat kehadiran, maklumat perlantikan dan laporan penilaian prestasi tahunan.
- 8.2. Melaksanakan program serta aktiviti bimbingan yang telah dirancang kepada pegawai yang dikenalpasti sesuai.
- 8.3. Melaksanakan aktiviti secara individu dan kelompok di MDKS.

AKTIVITI/PROGRAM

Aktiviti yang dilaksanakan oleh Rakan Pembimbing dalam organisasi perlu bersifat komprehensif dengan mengambil kira peningkatan empat kompetensi utama iaitu peribadi, sosial, organisasi dan profesional. Selain itu, aktiviti yang dilaksanakan juga tidak menggunakan kos yang tinggi selain bersifat praktikal dan mudah diterima dan difahami oleh warga organisasi. Aktiviti tersebut boleh diadakan secara operasi (operational) dan perkembangan (developmental). Aktiviti operasi AKRAB adalah aktiviti yang diadakan secara berterusan dan tidak memerlukan kos, jumlah masa yang panjang dan input boleh disediakan di kalangan ahli-ahli AKRAB sahaja. Manakala aktiviti perkembangan merupakan aktiviti yang diadakan secara tahunan, menyeluruh, melibatkan jumlah kos yang besar dan memerlukan sumbangan kepakaran dari pihak lain. Antara perbezaan program tersebut adalah seperti berikut:-

CIRI-CIRI	OPERASI (OPERATIONAL)	PERKEMBANGAN (DEVELOPMENTAL)
	<ul style="list-style-type: none"> • Berterusan • Kos murah • Kepakaran ahli ◆ Masa yang singkat 	<ul style="list-style-type: none"> • Berkala • Melibatkan kos • Masa yang panjang ◆ Kepakaran pihak luar


KOMPETENSI	CONTOH INPUT	KAEDAH
Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kendiri • Memahami personaliti diri dan orang lain • Pengurusan emosi diri 	<ul style="list-style-type: none"> • Tunjuk Cara • Lawatan • Bengkel • Forum • Kempen • Bimbingan Kelompok dan Individu • Seminar • Konvensyen
Profesional	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran pementoran dan penyeliaan • Menyampaikan persembahan • Kemahiran kaunseling 	
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran komunikasi • Kemahiran melayan pelanggan • Sentuhan insan • Kemantapan keluarga bekerja 	
Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami budaya kerja organisasi • Tingkah laku warga organisasi • Semangat kerja berpasukan 	

LAPORAN JAWATANKUASA RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM(AKRAB)
TAHUN 2017


KEAHLIAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM(AKRAB)

BIL	TAHUN	NAMA AHLI	NO. PERAKUAN PENGIKTIRAFAN
1.	2008	EN. MOHAMMED ZAKIR HUSIN BIN MOHAMMED ZAHID PPC.,	A566109
		EN. AHMAD JAMZURI BIN AHMAD	A564809
2.	2011	PN. FADZILAH BIN ABDUL RAHMAN	A6067210
3.	2012	EN. AZAM BIN MUHAMAD KASIM	A8011612
4.	2015	PN. SALINDA BINTI JAMIL	A11049615
		PN. AZLINDA BINTI ABDULLAH	A11044915
		EN. SHAROL BIN ADNAN	A11050115
		EN. AZHARIZAL BIN AB. RAHMAN	A11044715
		PN. NORSYAHIDA BINTI MD. JANI	A11049015
		PN. ZURZANA BINTI BAJURI PJK., PPC., PPS.,	A11051415
		PN. NORFILZAH BINTI LATIF	A11048715
		PN. SABARIAH BINTI HASSIM@AHMAD	A11049315
		TN. HJ. MOHAMAD KHAIRUDIN BIN KUSMAN PPC.	A11046315
		EN. ZAINAL ABIDIN BIN BUJOR	A11051115
EN. SHARIP BIN RAMLI AMS.,	A11050015		

Carta Organisasi
Jawatankuasa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam(AKRAB)
Majlis Daerah Kuala Selangor



Carta Fungsi
Jawatankuasa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam(AKRAB)
Majlis Daerah Kuala Selangor



PEKELILING-PEKELILING DAN MAKLUMAT YANG BERKAITAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999:
Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling di Agensi Awam
2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005:
Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam
3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010:
Panduan Pementoran dan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam
4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 :
Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam
5. Garis Panduan Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)
6. Konsep Pelaksanaan AKRAB CARE dan AKRAB XTRA
7. Indek Petunjuk Prestasi (KPI) yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

LAPORAN AKTIVITI/PROGRAM TAHUN 2017

1. **MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS MDKS BILANGAN 1/2017**
Anjuran AKRAB MDKS
Pada 13/1/2017 di Bilik Mesyuarat Siantan, Tingkat 1, MDKS
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 12 orang
2. **MESYUARAT AGUNG KELAB AKRAB NEGERI SELANGOR**
Anjuran KELAB AKRAB NEGERI SELANGOR
Pada 7/3/2017 di Dewan Ballroom, Dewan Jubli Rerak, Shah Alam
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 12 orang
3. **KURSUS ‘ DYNAMIC EMPOWERMENT ‘**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 11/4/2017 di KALUMPANG RESORT & TRAINING CENTRE, HULU
SELANGOR
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 1 orang
4. **PROGRAM SEMINAR AKRAB**
Anjuran JAKESS & MBSA
Pada 18/4/2017 di Dewan Muktamar, Aras 1, JAKESS Negeri selangor
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 6 orang
5. **KURSUS PRA AKRAB TAHAP 1**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 18 - 20/4/2017 di Bilik Gerakan, Tingkat 1, Bangunan Annex, Shah Alam
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 8 orang
6. **KURSUS PASCA AKRAB – PEMANTAPAN KEMAHIRAN KAUNSELING
DINAMIK KELOMPOK**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 22 - 24/5/2017 di Hotel Impian Morib, Kuala Langat
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 2 orang
7. **PROGRAM BIMBINGAN PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENGAMBILAN
UBAT DI BULAN RAMADHAN**
Anjuran AKRAB MDKS & BAHAGIAN FARMASI, HOSPITAL TG. KARANG
Pada 23 / 5 / 2017 di DEWAN SRI SIANTAN, MDKS
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 8 orang
8. **KURSUS TOUCHING THE SKY**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 8 – 10/8/2017 di NUR LAMAN BESTARI, GOMBAK
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 1 orang

9. **KURSUS PRA AKRAB TAHAP 2**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 15 – 17/8/2017 di DEWAN ESTER, TKT 4, LAMAN PKNS, SHAH ALAM
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 8 orang

10. **PROGRAM MAJLIS PENUTUP PEMENTORAN TAHUN 2015 DAN PERASMIAN PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2017**
Anjuran MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
Pada 4 / 10 / 2017 di DEWAN SRI SIANTAN, MDKS
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 10 orang

11. **PERSIDANGAN PSIKOLOGI MODAL INSAN**
Anjuran JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Pada 9 / 10 / 2017 di PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 2 orang

12. **KURSUS PASCA AKRAB – ‘ EXPERIENTAL COUNSELLING TEAM BUILDING**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 23 – 25/10/2017 di DE PALMA ECO-RESORT, KUALA SELANGOR
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 3 orang

13. **PROGRAM PEKHIDMATAN KAUNSELING DINAMIK KELOMPOK BAGI PEGAWAI KEBERHUTANGAN YANG SERIUS**
Anjuran MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
Pada 24 / 10 / 2017 di BILIK MESYUARAT MAWAR, MDSB
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 1 orang

14. **KURSUS PASCA AKRAB – ‘ INTEGRATED HOLISTIS EDUCATION SYSTEM (I.H.E.S)**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 31 / 10 / 2017 – 1 / 11 / 2017 di DE PALMA INN, AMPANG
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 1 orang

15. **KURSUS ‘ TRAINING OF TRAINERS ‘ BAGI MENTOR-MENTI PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2017**
Anjuran PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Pada 23 / 10 / 2017 di DEWAN SRI SIANTAN, MDKS
Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 10 orang

16. **SESI LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PUSAT TRANSIT GELANDANGAN**
Anjuran AKRAB PKNS
Pada 4 / 11 / 2017 di PUSAT TRANSIT GELANDANGAN KUALA LUMPUR

Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 1 orang yang terlibat

17. **SESI KAUNSELING YANG DIRUJUK KEPADA AKRAB**

Anjuran UNIT INTEGRITI & AKRAB MDKS

Bilangan Sesi Kaunseling – 8 sesi

Bilang penyertaan dari AKRAB MDKS – 7 orang yang terlibat

KESIMPULAN

Kejituan dan kesepakatan dikalangan AKRAB MDKS dan jabatan/bahagian/unit di bawahnya dalam melaksanakan program/aktiviti mengikut keperluan dan kehendak MDKS menjadikan AKRAB di MDKS lebih proaktif dan kreatif dalam menyampaikan perkhidmatannya dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang dan beriman dalam merealisasikan hasrat kerajaan dan ekspektasi pelanggan yang tinggi setelah Pelan Transformasi Kerajaan dilancarkan oleh Ybhg. Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Sehubungan itu, ahli AKRAB MDKS dan Jabatan/Bahagian/Unit dibawahnya menjadi satu *change agent* dalam merealisasikan hasrat tersebut.